

25/09/2002

Amerika perlu kaji punca tercetus keganasan

TINDAKAN ketenteraan disertai kekejaman dan penindasan sebenarnya bukanlah cara bagi mengatasi sengketa dalam usaha mencapai penyelesaian. Ini terbukti dengan ketegangan tidak berkesudahan di Asia Barat khususnya konflik Palestin-Israel, kempen Amerika Syarikat memerangi keganasan dan bahaya peperangan besar membabitkan serangan dirancang Presiden George Bush ke atas Iraq. Di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza saja, penduduk Palestin tetap melancarkan serangan berani mati membunuh rakyat dan askar Israel walaupun Tel Aviv dengan megahnya menyerang balas dengan menggunakan segenap kekuatan tenteranya dengan senjata canggih. Jika dulu, penduduk Palestin yang kehilangan tanah mereka dirampas kerajaan Tel Aviv saja mengatur dan akur serangan balas, kini hampir seluruh rakyat yang tertindas itu bangkit menentang kekejaman askar Israel yang menimpakan kesusahan dan kemelaratan terhadap segenap golongan rakyat Arab di dua wilayah itu. Lebih jelas lagi golongan yang sebelum ini disifatkan sebagai berfahaman sederhana sudah berubah menyokong langkah golongan ekstrem. Israel pula giat meneruskan kekejamannya kerana disokong kuat oleh Bush yang juga sekata tindakan tentera saja jalan keluar bagi mengatasi pejuang berani mati Palestin. Keengganan Bush menyekat Ariel Sharon membuat Israel semakin galak apabila meruntuh dan mengepung pejabat Yasser Arafat di Ramallah.

Namun sebagaimana ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tindakan dan ketegangan Bush dan Sharon itu bukanlah cara terbaik menangani konflik dan membanteras keganasan. Pokoknya, harus wujud keazaman, ketetapan dan usaha mencari huraiian politik terhadap krisis di Asia Barat itu. Punca hingga tercetusnya kemarahan meluap-luap rakyat Palestin membawa kepada keganasan itu pula harus dikaji dan diatasi terlebih dulu. Pandangan Dr Mahathir ini yang sering beliau suarakan dan diulangi di Asem 4 di Copenhagen, kelmarin, disokong Presiden Perancis, Jacques Chirac. Pemimpin Perancis itu akur tindakan ketenteraan akan menyemarakkan lagi bahang kemarahan dan kebencian di kalangan penduduk Arab dan Islam di Palestin. Begitu juga dalam kempen Amerika menentang keganasan kini secara langsung mengakibatkan ramai penduduk Islam di negara itu menerima layanan buruk dan dipinggirkan. Tidak syak lagi tindakan Israel dan Amerika dianggap kejam dan menindas itu memudaratkan orang biasa dan menyusahkan mereka hingga boleh menyebabkan golongan sederhana berubah dan berpotensi menjadi ganas.

Dalam usaha mengajak negara lain mengikut jejaknya menyerang Baghdad dan mengguling Presiden Saddam Hussein pula, Amerika sekali lagi mencetuskan kebencian seluruh dunia Arab dan Islam serta banyak negara lain kerana jelas mahu membelakangkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan mengambil tindakan ketenteraan secara sendirian. Tidak banyak negara yang setuju cara ketenteraan dirancang Amerika itu yang lebih mirip kepada tindakan penjajahan disamping mengenyepikan prinsip hubungan antarabangsa. Bush dalam menjaga kepentingan Amerika mendapatkan bekalan minyak berterusan bagi menjana ekonomi dan memenuhi permintaan rakyatnya, jelas mengamalkan dasar berpilih-pilih di Asia Barat. Ada ketua negara yang menindas rakyat tetap disokong oleh Amerika semata-mata kerana menjaga kepentingannya. Malah Saddam sendiri adalah pemimpin yang disokong kuat Amerika pada tahun 1980-an hingga membekalkannya pelbagai jenis senjata untuk menentang kerajaan Khomeini di Iran. Kini demi mengekalkan pengaruhnya di Iraq, Amerika berpaling tadah dan mahu menghapuskan Saddam pula.

Jelas bahawa segala tindak-tanduk Washington sebenarnya hanya mahu menjaga kepentingannya dan tidak ada kaitan dengan kepentingan sejagat. Oleh kerana mahu menguasai bekalan minyak Iraq, Bush sudah siap pelan mengerah kekuatan ketenteraannya tanpa mempedulikan nasib berjuta-juta rakyat Iraq yang selama ini merana akibat sekatan dagangan sejak 1991. Dasar berdolak-dalik Amerika ini harus dikutuk memandangkan kesan buruknya terhadap rakyat biasa yang menjadi mangsa walhal yang disasarkan Bush adalah pemimpin mereka.